

'Kami akan siasat'

>>Oleh Maimalina Mohamed Amin

maimalina@hmetro.com.my

KUALA LUMPUR: "Mengang tidak senonoh! Kita akan siasat segera dan ambil tindakan," kata Ketua Pengarah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Datuk Salleh Yusop, mengulas kewujudan restoran makanan laut yang menyediakan pelayan hanya bercoli dan berseluar dalam.

Menurutnya, tiada restoran di bawah pentadbiran DBKL dibenarkan beroperasi melebihi peraturan ditetapkan, termasuk menyediakan perkhidmatan tambahan seperti layanan 'bermanja' dengan pelayan seksi.

"Kalau restoran beroperasi ikut peraturan restoran sahaja, mana boleh ada perkhidmatan tambahan yang semuanya tidak berpakaian dan seksi begitu... Sangat tidak senonoh dan kita perlu siasat."

"Saya akan mengarahkan



Tidak boleh pelayan sampai tidak berbaju... ada etika dia, malah hotel pun sama, ada kod pemakaian pelayan. Ini semua kita akan siasat segera"

>Datuk Salleh Yusop
Ketua Pengarah DBKL

bahagian penguat kuasa segera bertindak mengenal pasti restoran terbabit dan di mana ia beroperasi sebelum mengambil sebarang tindakan tegas berdasarkan kesalahan dilakukan," katanya.

Salleh berkata, sebelum tindakan diambil, pihaknya perlu melihat tujuan lesen

dikeluarkan sama ada untuk pengoperasian restoran atau rumah kelab, selain penggunaan ke atas bangunan itu jika ia disalahgunakan.

Katanya, sekiranya penguat kuasa restoran didapati melanggar mana-mana satu daripada kesalahan terbabit, mereka boleh dikenakan hu-

>Saksi lihat sendiri

KUALA LUMPUR: "Saya menyaksikan sendiri pelayan bercoli dan berseluar dalam sedang melayan pelanggan ketika berkunjung ke sebuah restoran di ibu kota bersama beberapa rakan sekerja, beberapa bulan lalu."

"Saya terkejut dengan apa yang saya lihat kerana rupa-rupanya di negara ini juga ada restoran yang menyediakan pelayan sedemikian, malah gadis berkenaan begitu seksi dan manja," kata Amri, 30, yang mendakwa rakan sekerjanya sempat merakam gambar bersama beberapa gadis seksi ketika berada di restoran berkenaan.

Dia kemudian memuat naik beberapa gambar berkenaan sebelum dihantar ke e-mel seorang wartawan, dengan tujuan memaklumkan apa yang berlaku di restoran berkenaan untuk didedahkan kepada pembaca Harian Metro.

Lelaki itu berulang kali menegaskan, semua yang dilihat dan berlaku dalam restoran ini benar-benar berlaku di ibu kota dan bukannya di negara jiran.

"Semua gambar itu dirakam dalam restoran berkenaan," katanya ketika

dihubungi, semalam.

Sementara itu, Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Kuala Lumpur, Datuk Ku Chin Wah, berkata pihaknya sudah memanggil kedua-dua wartawan Harian Metro yang menulis artikel terbabit untuk diambil keterangan.

Katanya, tindakan itu dibuat selepas mendapati gambar yang disiarkan dalam akhbar berkenaan diragui dan dipercayai diambil pada satu parti yang diadakan di sebuah negara jiran.

Katanya, polis juga sudah ke restoran yang dinyatakan bagi menjalankan siasatan.

Akhbar ini kelmarin mendedahkan kewujudan sebuah restoran di ibu kota yang menyediakan pelayan yang hanya bercoli dan berseluar dalam untuk melayan pelanggan yang menjamu selera.

Yang pasti, pelayan wanita seksi terbabit dijadikan umpan kepada pelanggan lelaki berpoket tebal untuk menjamu selera sambil 'bermanja' dengan pelayan.

Kebanyakan pelayan dipercayai warga China itu boleh disentuh atau diusik asalkan menyelitkan wang tip ketika mereka datang ke meja pelanggan.

kuman berat mengikut akta tertentu termasuk menarik balik lesen perniagaan.

"Kita ada akta yang perlu dinilai dari segi penggunaan ke atas bangunan (salah guna atau tidak), sama ada pengusaha mendaftar lesen atas nama restoran atau rumah kelab dan etika serta tata etika operasi pelayannya."

"Tidak boleh pelayan sampai tidak berbaju... ada etika dia, malah hotel pun sama, ada kod pemakaian pelayan. Ini semua kita akan siasat segera," katanya.

Sehubungan itu, beliau akan mengarahkan kakitangan penguat kuasa DBKL mengumpul seberapa banyak maklumat selain cuba menyelidip masuk ke restoran terbabit bagi memastikan dakwaan berkaitan operasi terbabit, benar.

Sabtu lalu, Harian Metro memaparkan dakwaan se-

orang pelanggan restoran makanan laut di ibu negara yang dikatakan menyediakan pelayan dipercayai warga China yang hanya bercoli dan berseluar dalam sambil memberi peluang kepada pelanggan 'bermanja'.

Pelanggan terbabit yang hanya mahu dikenali sebagai Amri, 30-an, mendakwa terkejut ketika berkunjung ke restoran berkenaan bersama pegawai atasannya apabila mendapati pelayan yang hanya menjadi umpan kepada pelanggan berpoket tebal boleh disentuh dan diusik asalkan menyelitkan wang tip ketika mereka datang ke meja.

Lebih mengejutkan, makanan turut dihidangkan di atas tubuh pelayan terbabit yang berbaring beramai-ramai di atas meja sebelum pelanggan memilih juadah digemari.

**Yayasan
terima
banyak
aduan**

KUALA LUMPUR: "Sebelum ini, kita memang pernah menerima banyak aduan orang ramai mendakwa kegiatan tidak bermoral seperti dilaporkan muka depan Harian Metro, kelmarin, sering berlaku di ibu kota."

"Bagaimanapun, kami tidak boleh bertindak kerana tiada kuasa berbuat demikian," kata Pengarah Hal Ehwal Islam dan Pengguna Islam, Yayasan Bakti Khidmat Masyarakat Malaysia, Abdul Aziz Ismail.

Sambil menyokong usaha berani dilakukan Harian Metro mendedahkan kegiatan tidak bermoral itu, beliau berkata, berdasarkan rekod, kebanyakan aduan yang diterima pihaknya memaklumkan aktiviti tidak bermoral itu dijalankan di kawasan eksklusif di sekitar ibu kota.

"Saya terima banyak aduan mengenai kegiatan tidak bermoral itu sejak tahun lalu dan yang terbaru awal tahun ini."

"Namun, kebanyakan pengadu enggan membuat laporan bertulis sebaliknya hanya memberi maklumat secara lisan."

"Kebanyakan tempat yang dilaporkan berlaku aktiviti seumpama itu adalah di sekitar Lembah Klang."

"Oleh itu, kita berharap pihak berwajib lebih peka kepada aktiviti tidak sihat itu," katanya.

Abdul Aziz berkata, kebanyakan tempat yang dilaporkan membabitkan premis eksklusif dan hanya terbuka kepada individu tertentu.

"Berdasarkan maklumat diterima, ia sememangnya berlaku kerana kebanyakan individu yang tampil orang yang diyakini tidak membuat cerita palsu."

"Apapun kita akan meneruskan usaha membanteras gejala tidak bermoral ini biarpun persatuan kita hanya mempunyai kuasa terhad."

"Saya merayu orang ramai supaya tampil memberi maklumat berhubung kejadian ini walaupun tidak mahu maklumat mereka didedahkan untuk kebaikan bersama," katanya.

Kelmarin, Harian Metro mendedahkan layanan luar biasa sebuah restoran di ibu kota yang membariskan pelayan wanita yang hanya bercoli dan berseluar dalam untuk menghidangkan makanan kepada pelanggan yang hadir.